

25/11/1999

Dr M tidak tulis surat kepada PM Israel

KLUANG, Rabu - Orang ramai diingatkan supaya tidak terpengaruh dengan sepucuk surat yang kononnya ditandatangani Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang dihantar kepada Perdana Menteri Israel, Ehud Barak bagi mendapatkan bantuan kewangan.

Surat bertarikh 16 Ogos 1999, mempunyai kepala surat beralamat di Jabatan Perdana Menteri, Blok Barat, Aras 3, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Putrajaya itu, dipercayai disebarkan oleh parti pembangkang sebagai cara mudah memancing undi.

Ketika mendedahkan perkara itu, Pemangku Ketua Pergerakan Pemuda Umno, Datuk Hishammuddin Tun Hussein, berkata beliau telah melihat surat itu dan kandungannya cukup melucukan serta tidak munasabah.

"Kandungannya begitu cetek dan sempit sekali. Selain itu, ayatnya bercelaru dan faktanya tidak boleh dipercayai.

"Orang ramai yang mendapat surat ini jangan mempercayainya kerana ia satu taktik yang digunakan parti pembangkang untuk mempengaruhi pengundi pada pilihan raya kali ini," katanya kepada pemberita selepas berceramah di Batu 2, Jalan Bandar Tenggara, di sini, malam tadi.

Kandungan surat yang ditulis dalam bahasa Inggeris itu antara lain berbunyi: "Sepertimana yang tuan sudah maklum, Menteri Luar saya, Encik Syed Abdul Hamid Albar akan menemani saya pada sesi yang seterusnya di Mesyuarat Agung Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu yang akan berlangsung di New York pada bulan September.

"Saya dengan tulus ikhlas berharap satu perjumpaan dapat diatur dengan Menteri sejawat Encik David Levy untuk membincangkan pengumpulan dana untuk parti saya bagi menghadapi pilihan raya umum di Malaysia.

"Saya percaya, melalui kecekapan dan kewibawaan pihak tuan, kita boleh berhubung dengan 'Tabung Clinton' untuk tujuan menghancurkan Perjuangan Para Pejuang Islam di Malaysia".

Hishammuddin yang juga calon BN kawasan Parlimen Tenggara berkata, surat itu disediakan oleh mereka yang tidak bertanggungjawab dengan cara menyalin tanda tangan Dr Mahathir serta kepala surat berkenaan dan kemudian menyalinnya untuk diedarkan kepada orang ramai.

"Inilah taktik pembangkang. Sebelum ini, ketika penamaan calon Sabtu lalu, mereka juga menyebarkan khabar angin kononnya calon mereka menang tanpa bertanding di beberapa kawasan.

"Pada hakikatnya ia tidak berlaku. Oleh itu orang ramai tidak perlu terpengaruh dengan taktik kotor mereka yang sudah kehabisan modal," katanya.

(END)